


BULETIN ICT

NEGERI MELAKA

EDISI BULAN FEBRUARI 2014



FOKUS

- ◆ Enjin Pelayar Sesawang
- ◆ 5 Pelayar Sesawang Popular
- ◆ Statistik Penggunaan Pelayar Sesawang

TOKOH



Tim Berners-Lee
Pencipta WWW

PELAYAR SESAWANG (Web Browser)

INFORMASI

- ◆ Statistik SKMM Negeri Melaka Q4, 2013
- ◆ Facebook Beli WhatsApp
- ◆ Panduan Keselamatan Pelayar Sesawang
- ◆ Apakah Chromium? 

FEB 2014



Penerbitan:



Bahagian K-Ekonomi
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Pelayar sesawang lazimnya di kenali dengan nama *web browser*, merupakan satu perisian yang begitu signifikan dalam dunia siber. Kajian yang dilakukan turut mengesahkan bahawa hampir dua per tiga daripada trafik Internet adalah berasaskan trafik web, dan kadar ini tidak jauh berubah sejak pengenalan internet. Populariti *web browser* ini dijangkakan akan terus meningkat, terutamanya apabila pelbagai aplikasi diubah daripada *system-based* kepada *web-based*.

Jika dilihat dari segi teknologi, pelayar pertama telah diperkenalkan pada tahun 1980an, pada ketika itu paparan pelayar ini hanyalah berbentuk tulisan dalam format ASCII. Sejak dari itu, teknologi perisian dan protokol pelayar ini telah ditambahbaik, dan pada tahun 1990an, *web browser* ini telah boleh memaparkan imej dan seterusnya paparan audio dan video. Faktor populariti teknologi ini, telah mendorong beberapa organisasi untuk menerbitkan perisian pelayar sesawang mereka,

antara yang popular ialah Microsoft Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Apple Safari, dan Opera. Kebanyakan organisasi ini menggunakan enjin paparan yang berbeza, antaranya ialah Mosaic, Netscape, Trident, Gecko, WebKit, dan Presto. Pada awalnya penggunaan enjin paparan yang berbeza telah menimbulkan kesukaran kepada jurutera perisian dalam membangunkan aplikasi berasaskan web, yang mengakibatkan sesuatu halaman hanya boleh dibuka menggunakan perisian tertentu sahaja, terutama dengan pengenalan telefon pintar dan tablet yang mempunyai cabaran seperti ketiadaan papan kekunci dan tetikus, serta ciri-ciri tambahan lain.

Oleh yang demikian, satu konsortium yang dikenali dengan W3C (*World Wide Web Consortium*) telah ditubuhkan bagi menetapkan piawaian dan panduan pembangunan teknologi paparan, supaya ia dapat mengurangkan kerumitan kepada jurutera perisian untuk membangunkan aplikasi yang berasaskan web, dan akhirnya pengguna boleh memilih pelayar sesawang mengikut citarasa mereka tanpa mempunyai masalah pengoperasian perisian berkenaan.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

ISI KANDUNGAN

FOKUS

Pelayar Sesawang	4-5
Statistik Penggunaan Pelayar Sesawang	6
Apakah Enjin Pelayar Sesawang	7
5 Pelayar Sesawang Popular	8-9

TOKOH

Sir Tim Berners-Lee: Pencipta 'WWW'	10-11
-------------------------------------	-------

INFORMASI

Statistik SKMM Negeri Melaka Q4, 2014	12
Apakah Chromium?	13
Facebook Beli WhatsApp	13
Keselamatan Pelayar Sesawang	13

PROGRAM

Senarai Program ICT Februari 2014	14
Seminar Pemasaran Produk Online	14
Gambar Pelaksanaan Program ICT	15
Senarai Pelayar Sesawang Pilihan: Desktop	16

Penaung

Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Penasihat

YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor

Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan
Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor

Muaz bin Ghazali

Sumbangan Bahan

Bahagian K-Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Penerbit & Percetakan

Bahagian K-Ekonomi,
Inkubator K-Ekonomi, Jln Business City,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
No.Tel : 06-2324425/4436
No.Faks : 06-2331460
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.



Ikuti Perkembangan
Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
f Idris Haron | twitter.com/idrisharon66



PELAYAR SESAWANG

Pelayar Sesawang adalah aplikasi perisian yang berfungsi untuk membantu pengguna mencari, mengakses dan memaparkan sumber maklumat laman sesawang di Internet. Sumber maklumat pula dikenal pasti oleh *Uniform Resource Identifier* (URI/URL) yang terdiri daripada laman sesawang, gambar, video ataupun apa-apa kandungan. Walaupun pelayar sesawang ini digunakan sebahagian besar sebagai medium untuk melayari Internet, pelayar sesawang juga boleh digunakan untuk mengakses maklumat di *web servers* dalam rangkaian persendirian ataupun fail di dalam sistem fail.




SEJARAH

Sejarah kemunculan pelayar sesawang dimulakan oleh Sir Tim Berners-Lee yang telah mencipta pelayar sesawang pertama di dunia iaitu WorldWideWeb yang kemudiannya dinamakan Nexus. Namun pelayar sesawang yang pertama menggunakan antara muka grafik adalah Erwise di mana pembangunannya dimulakan oleh Robert Cailliau yang mengambil alih pembangunan daripada kumpulan pelajar dari Universiti Teknologi Helsinki di Finland.

Seterusnya, perkembangan pelayar sesawang ini dirancakkan dengan kemunculan pelayar sesawang Mosaic yang dicipta oleh Marc Andreessen di mana Mosaic telah memudahkan penggunaan sistem World Wide Web ketika itu untuk pengguna biasa. Kemunculan Mosaic telah mencetuskan ledakan penggunaan internet pada tahun 1990-an. Melihat kepada keadaan ini, Marc Andreessen telah membuka syarikat sendiri yang dipanggil Netscape dan mengeluarkan pelayar sesawang Netscape Navigator pada tahun 1994 yang seterusnya menjadi pelayar sesawang yang paling popular digunakan pada tahun 1990-an.



Kemudian, Microsoft telah memperkenalkan Internet Explorer pada tahun 1995 untuk bersaing dengan Netscape bagi pasaran pelayar sesawang ini dan terbukti Internet Explorer telah menjadi pelayar sesawang paling popular digunakan di mana mendominasi sebanyak 95% pengguna Internet di dunia pada tahun 2002. Sehingga hari ini, antara pelayar sesawang yang popular digunakan adalah Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Opera dan Safari.



PROTOKOL KESELAMATAN

Protokol *Transport Layer Security* (TLS) dan protokol *Secure Sockets Layer* (SSL) adalah protokol keselamatan yang dibangunkan untuk menyediakan keselamatan komunikasi di Internet. Protokol SSL dibangunkan oleh *Netscape Communications Corporation* pada tahun 1994 dengan tujuan ketika itu untuk memastikan keselamatan transaksi di Internet. Selepas itu, pasukan *Internet Engineering Task Force* (IETF) telah membangunkan satu standard protokol yang menyediakan fungsi yang sama. Mereka menggunakan SSL 3.0 sebagai asas pembangunan protokol dan akhirnya dikenali sebagai protokol TLS.

Protokol TLS dan SSL sangat dikenali dan diiktiraf sebagai protokol yang menyediakan keselamatan kepada HTTP (HTTPS) untuk tujuan transaksi di antara pelayar sesawang dan pelayan sesawang (*server*). Selain itu, protokol TLS dan SSL boleh digunakan untuk protokol aplikasi lain seperti *File Transfer Protocol* (FTP), *Lightweight Directory Access Protocol* (LDAP), dan *Simple Mail Transfer Protocol* (SMTP).

UNIFORM RESOURCE LOCATOR (URL)

Uniform Resource Locator (URL) juga dikenali sebagai alamat sesawang adalah satu bentuk *Uniform Resource Identifier* (URI) yang seragam digunakan untuk mengesan sumber (fail atau dokumen) di Internet. URL menetapkan alamat sesuatu fail dan setiap fail di Internet mempunyai alamat yang unik. URL telah dipiawaikan pada tahun 1994 oleh Sir Tim Berners-Lee dan pasukan IETF.



HTTP

HTTP adalah nama singkatan kepada *Hypertext Transfer Protocol* iaitu satu protokol aplikasi yang merupakan asas kepada komunikasi data untuk World Wide Web. Pembangunan piawaian HTTP dipantau oleh *Internet Engineering Task Force* (IETF) dan *World Wide Web Consortium* (W3C). Sir Tim Berners-Lee dan pasukannya diberikan pengiktirafan kerana mencipta HTTP. Versi pertama protokol hanya mempunyai satu kaedah iaitu kaedah GET.

HTTPS

Hypertext Transfer Protocol Secure adalah protokol komunikasi untuk berkomunikasi secara selamat melalui rangkaian komputer namun secara teknikalnya, HTTPS bukanlah suatu protokol kerana ia hanya lapisan HTTP di atas protokol SSL/TLS untuk menambahkan keupayaan keselamatan SSL/TLS bagi piawaian komunikasi HTTP. HTTPS banyak digunakan terutamanya untuk transaksi pembayaran namun pada hari ini HTTPS sudah digunakan secara meluas untuk melindungi maklumat di dalam laman sesawang

PERBEZAAN HTTP & HTTPS


- URL untuk HTTP dimulakan dengan "http://"
- URL untuk HTTPS dimulakan dengan "https://"
- HTTP menggunakan port 80 untuk komunikasi
- HTTPS menggunakan port 443 untuk komunikasi
- Laman HTTP tidak dijamin keselamatannya
- Laman HTTPS dijamin keselamatannya
- Tiada kaedah penyulitan di laman HTTP
- Kaedah penyulitan dilakukan di laman HTTPS
- HTTP beroperasi di Lapisan Aplikasi
- HTTPS beroperasi di Lapisan Pengangkutan
- Laman HTTP tidak memerlukan sijil perakuan
- Laman HTTPS memerlukan sijil perakuan

STATISTIK PENGGUNAAN PELAYAR SESAWANG


StatCounter.com

5 PELAYAR SESAWANG PILIHAN PENGGUNA MALAYSIA


Sehingga Februari 2014



5 PELAYAR SESAWANG PILIHAN (DESKTOP)




5 PELAYAR SESAWANG PILIHAN (PERANTI MUDAH ALIH)




w3schools.com

5 PELAYAR SESAWANG PILIHAN (DATA SEHINGGA JANUARI 2014)



PELAYAR SESAWANG : PILIHAN SISTEM OPERASI



Apakah *Enjin Pelayar Sesawang* ?

Enjin pelayar sesawang adalah komponen perisian yang menterjemah kandungan dan maklumat format seperti HTML, XML, CSS dan XSL dan memutuskan bagaimana kandungan yang diformatkan dipaparkan kepada pengguna di skrin. Berikut merupakan antara enjin pelayar sesawang yang digunakan oleh pelayar sesawang yang juga dikenali sebagai *layout engine* atau *rendering engine*.



Sumber: Wikipedia.org, www.computerworld.com, www.zdnet.com

Gecko

Gecko adalah enjin pelayar sesawang berasaskan sumber terbuka digunakan dalam banyak aplikasi yang dibangunkan oleh Mozilla Foundation dan Mozilla Corporation serta projek perisian sumber terbuka yang lain. Dalam konteks penggunaan pelayar sesawang, Gecko merupakan enjin pelayar sesawang bagi pelayar sesawang Mozilla Firefox. Gecko dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan C++ dan dilesenkan di bawah Lesen Awam Mozilla.

Blink

Blink dibangunkan sebagai sebahagian daripada projek Chromium oleh Google dengan dibantu oleh Opera Software ASA serta pihak lain. Ia mula diperkenalkan pada April 2013 dan merupakan cabang kepada WebCore, komponen WebKit iaitu enjin pelayar sesawang yang pernah digunakan oleh Google Chrome sebelum ini. Penggunaan Blink sebagai enjin pelayar sesawang bagi Google Chrome bermula dengan versi Chrome 28.

Presto

Presto digunakan oleh pelayar sesawang Opera sejak 28 Januari 2003 dalam Opera 7 untuk pengguna Windows. Namun, dalam Opera 15, pembangunnya iaitu Opera Software ASA telah mula menggunakan Blink dan WebKit sebagai enjin pelayar sesawang. Opera 12 adalah merupakan versi terakhir Opera yang menggunakan Presto.

Trident

Trident atau juga dikenali sebagai MSHTML adalah enjin pelayar sesawang bagi kegunaan Internet Explorer untuk pengguna Microsoft Windows. Ia mula diperkenalkan semasa keluaran Internet Explorer versi 4.0 pada Oktober 1997. Selain Internet Explorer, Trident juga digunakan oleh aplikasi lain antaranya Google Talk, Microsoft Outlook, Skype dan LimeWire.

WebKit

WebKit adalah enjin pelayar sesawang berasaskan sumber terbuka yang digunakan oleh pelayar sesawang Safari dan pernah digunakan oleh pelayar sesawang Google Chrome sebelum ia menggunakan Blink. WebKit merupakan *trademark* kepada Apple dan telah didaftarkan di bawah Pejabat Paten dan Cap Dagangan Amerika Syarikat pada 7 Mac 2013.

KENALI

5 PELAYAR SESAWANG YANG POPULAR

MOZILLA FIREFOX

www.mozilla.org/firefox/



Mozilla Firefox adalah pelayar sesawang berasaskan sumber terbuka yang dibangunkan oleh *Mozilla Foundation* dan *Mozilla Corporation*. Ia dibangunkan untuk platform Windows, OS X, Linux dan Android. Versi pertama Firefox dikeluarkan pada 9 November 2004 di mana projek Firefox ini pada mulanya hanya sebuah projek eksperimen di bawah projek Mozilla oleh Dave Hyatt, Joe Hewitt dan Blake Ross. Mozilla Firefox mempunyai pelbagai nama pada mulanya sebelum ianya dikenali sebagai Firefox pada masa kini. Sehingga Februari 2014, Mozilla Firefox merupakan pelayar sesawang ketiga paling popular digunakan di dunia dan ia begitu popular di negara Indonesia, Jerman, Poland dan juga Iran.

Phoenix > Firebird > Mozilla Firebird > Mozilla Firefox

INTERNET EXPLORER

windows.microsoft.com/en-MY/internet-explorer/download-ie



Internet Explorer adalah pelayar sesawang yang dibangunkan oleh Microsoft yang termasuk dalam pakej sistem pengoperasian Microsoft Windows bermula pada tahun 1995. Internet Explorer pernah dikenali sebelum ini dengan Microsoft Internet Explorer dan Windows Internet Explorer selain pernah menjadi pelayar sesawang paling popular digunakan di dunia pada tahun 2002 dan 2003. Namun populariti Internet Explorer ini tergugat dengan kehadiran Mozilla Firefox dan Google Chrome selain kehadiran sistem pengoperasian OS X, Linux dan Android yang tidak menggunakan Internet Explorer sebagai pelayar sesawang tetap mereka.

GOOGLE CHROME

www.google.com/chrome/



Google Chrome adalah pelayar sesawang yang dibangunkan oleh Google dan ia ditawarkan secara percuma kepada pengguna. Chrome mula dikeluarkan pada 2 September 2008 sebagai versi beta untuk Microsoft Windows. Pada asalnya, Google tidak mahu mengambil bahagian dalam pembangunan pelayar sesawang kerana Eric Schmidt menjelaskan kedudukan syarikat Google ketika itu masih sebuah syarikat yang kecil, namun apabila pengasas bersama Google iaitu Sergey Brin dan Larry Page membawa masuk pembangun dari Mozilla Firefox untuk membangun dan melakukan demonstrasi pelayar sesawang Chrome, beliau menukar fikiran untuk meneruskan pembangunan Chrome. Kini, Google Chrome adalah pelayar sesawang paling popular digunakan di dunia.

SAFARI

<https://www.apple.com/safari/>



Pelayar sesawang Safari dibangunkan oleh syarikat Apple dan termasuk sebagai satu perisian bagi sistem pengoperasian OS X dan iOS. Dikeluarkan sebagai versi beta kepada umum pada 7 Januari 2003 melalui sistem pengoperasian OS X. Manakala versi pertama bagi kegunaan sistem pengoperasian Microsoft Windows dikeluarkan pada 11 Jun 2007 namun Safari 5.1.7 yang dikeluarkan pada 5 Mei 2012 merupakan versi terakhir pelayar sesawang Safari untuk Windows.

OPERA

www.opera.com



Pelayar sesawang Opera dibangunkan oleh Opera Software yang ditawarkan secara percuma untuk kegunaan komputer peribadi dan peranti mudah alih. Pembangunan Opera bermula pada tahun 1994 dengan menjadi satu projek penyelidikan di Telnor iaitu syarikat telekomunikasi terbesar di Norway. Opera dikeluarkan kepada umum pada tahun 1996 sebagai versi 2.0 dan hanya dapat digunakan oleh pengguna Microsoft Windows sahaja ketika itu. Namun menurut statistik yang dikeluarkan oleh StatCounter, Opera merupakan pelayar sesawang peranti mudah alih di kedudukan ketiga popular digunakan di seluruh dunia setakat bulan Januari 2014.

	PEMBANGUN	ENJIN PAPARAN	KELUARAN PERTAMA	SOKONGAN OS
MOZILLA FIREFOX	Mozilla Corporation	Gecko	2004	Windows, OS X, Linux, BSD, Android
INTERNET EXPLORER	Microsoft	Trident	1995	Windows
GOOGLE CHROME	Google	Blink	2008	Windows, OS X, Linux, iOS, Android
OPERA	Opera Software	Blink	1996	Windows, OS X, Linux, iOS, Android
SAFARI	Apple	WebKit	2003	OS X, iOS

Sumber: Wikipedia.org, www.google.com/chrome, windows.microsoft.com, www.mozilla.com/firefox, www.opera.com, www.apple.com/safari

Sir Tim Berners-Lee Pencipta "WWW"

Sumber: Wikipedia.org, www.achievement.org, www.webfoundation.org, www.w3.org

KEHIDUPAN AWAL

Timothy John Berners-Lee dilahirkan di England pada 8 Jun 1955 hasil perkahwinan Mary Lee Woods dan Conway Berners-Lee. Ibu bapa beliau bekerja untuk Ferranti Mark 1 iaitu komputer yang pertama dibangunkan secara komersial dan sering membincangkan permasalahan matematik di rumah sebagai satu usaha untuk memupuk minat Tim Berners-Lee dalam bidang saintifik. Di awal usianya, beliau sangat tertarik dengan matematik dan elektronik di mana ketika di sekolah rendah, beliau mengikuti perkembangan teknologi transistor dan membina peranti elektronik untuk mengawal model kereta api model beliau.



Beliau menamatkan pembelajaran beliau di Kolej Queen, Universiti Oxford dari tahun 1973 sehingga 1976 dengan menerima segulung ijazah dalam bidang fizik. Semasa di Oxford, beliau meneruskan minat dalam bidang elektronik di mana pada masa terluang, beliau dilihat dengan teliti memameri terminal komputernya sendiri dengan set kalkulator terbuang, set televisyen yang telah rosak, dan bateri kereta. Beliau juga telah merangka bahasa komputernya sendiri dan setelah tamat pengajian, beliau mendapati perkhidmatan beliau sebagai seorang pengaturcara komputer mendapat permintaan yang tinggi.

KERJAYA AWAL

Selepas menamatkan pengajian di Oxford, beliau bekerja selama dua tahun di *Plessey Telecommunications* iaitu salah sebuah firma telekomunikasi utama di Britain. Antara kerja yang dilakukan beliau di situ adalah mengemaskini teknologi kod bar. Beliau kemudiannya bekerja di D.G. Nash Ltd. di Dorset di mana beliau bertanggungjawab membantu penghasilan perisian type-setting untuk mesin pencetak dan sistem pengoperasian pelbagai tugas. Selepas bekerja di D.G. Nash Ltd, beliau bekerja pula sebagai perunding bebas jurutera perisian di CERN selama 6 bulan dari bulan Jun sehingga Disember 1980. CERN adalah organisasi penyelidikan Eropah yang terletak di Geneva, Switzerland.



Antara kerjanya di CERN adalah membantu para penyelidik untuk berkongsi maklumat yang berada di lokasi geografi yang berbeza. Sehubungan dengan itu, beliau telah mencipta satu prototaip perisian yang dipanggil ENQUIRE yang dibangunkan mengambil konsep 'hypertext' di mana perisian ini membolehkan beliau untuk menghubungkan pelbagai dokumen dan melancarkan perkongsian dan pengemaskinian maklumat di kalangan penyelidik.



Tim Berners-Lee menggesa rakan penyelidiknya di CERN mencuba perisian tersebut, namun hanya beberapa penyelidik sahaja yang mencuba ENQUIRE. Walaupun ketika itu CERN telah menyisihkan perisian ENQUIRE, penglibatan beliau dihargai dan pada tahun 1984, CERN telah menawarkan *fellowship* kepada beliau untuk bekerja dalam projek perolehan data dan kawalan sistem.

KEMUNCULAN WORLD WIDE WEB

Tim Berners-Lee sangat dikenali individu penting dalam penciptaan World Wide Web atau juga dikenali sebagai *the web* iaitu sistem yang menghubungkan dokumen 'hypertext' yang boleh diakses melalui Internet. Segalanya bermula di CERN iaitu semasa beliau dipanggil semula pada tahun 1984. Pada tahun 1989, CERN merupakan nod Internet yang terbesar di Eropah di mana peluang ini dilihat oleh Tim Berners-Lee untuk menghubungkan *hypertext* dengan Internet.

Menurut beliau, segala teknologi seperti Internet dan *hypertext* telah tersedia dan dibangunkan. Usaha beliau hanya untuk menggabungkan teknologi ini menjadi sebuah pakej, maka terbentuk World Wide Web. Pada Mac 1989, beliau menulis cadangan awal dan dibantu oleh Robert Cailliau pada tahun 1990 di mana idea cadangan tersebut adalah asas kepada perisian ENQUIRE untuk membangunkan World Wide Web dan seterusnya membangunkan pelayar sesawang yang pertama. Laman sesawang yang pertama dibangunkan di CERN dan telah diletakkan secara atas talian pada 6 Ogos 1991. *Info.cern.ch* pula adalah alamat laman sesawang yang pertama yang beroperasi dengan menggunakan komputer NeXT.








Logo World Wide Web



Antara muka pelayar web pertama dunia, World Wide Web





SUMBANGAN

World Wide Web merupakan sumbangan terbesar dan terpenting dalam sejarah teknologi maklumat dunia dari Tim Berners-Lee. Berikut adalah antara sumbangan Tim Berners-Lee dalam pembangunan teknologi maklumat dan komputer dunia:


-  Menulis protokol pemindahan *hypertext* (HTTP) untuk menghantar dokumen di Internet selain untuk menstandardkan komunikasi antara pelayan sesawang (*server*) dan program pelanggan ataupun pelayar internet.
-  Beliau juga memulakan sistem mengenalpasti dokumen yang awalnya dikenali sebagai *Universal Resource Indicator* dan kini dikenali sebagai *Universal Resource Locator* (URL).
-  Beliau adalah pengarang utama HTML (*HyperText Markup Language*) iaitu bahasa penanda untuk menghasilkan laman sesawang dan maklumat lain yang ingin dipaparkan di pelayar sesawang.
-  Menubuhkan W3C (*World Wide Web Consortium*) pada tahun 1994 di MIT yang bertujuan untuk menambah baik kualiti dan piawai World Wide Web.
-  Beliau melancarkan *World Wide Foundation* pada November 2009 untuk memajukan laman sesawang dengan melancarkan program transformasi yang membina kapasiti tempatan untuk memanfaatkan laman sesawang sebagai medium untuk perubahan yang positif.

PENGIKTIRAFAN


Antara pengiktirafan yang diterima beliau adalah:

-  Menjadi salah seorang daripada enam orang ahli sahaja untuk *World Wide Web Hall of Fame* pada tahun 1994.
-  Pada tahun 1999, Majalah Time telah menamakan beliau sebagai salah seorang daripada 100 manusia yang terpenting di dunia.
-  Dianugerahkan pelbagai ijazah kedoktoran dari pelbagai Universiti seperti Universiti Essex, Universiti Lancaster dan Universiti Harvard.
-  Diberikan penghormatan oleh Queen Elizabeth II di London pada 16 Julai 2004 dengan dianugerahkan kesatria di atas perkhidmatan beliau kepada pembangunan Internet dunia.

KADAR PENEMBUSAN JALUR LEBAR 2013




BILANGAN LOKASI HOTSPOT 2013




MAKLUMAT STATISTIK KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGERI MELAKA SUKU KE-4, 2013

PERATUS ISI RUMAH YANG MEMPUNYAI KEMUDAHAN KOMPUTER TAHUN 2012



KADAR PENEMBUSAN TALIAN IBU SAWAT TERUS PER 100 ISI RUMAH



Sumber: 
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysia Communications and Multimedia Commission




Apakah itu Chromium?

Chromium adalah pelayar sesawang berasaskan sumber terbuka yang merupakan sebuah projek daripada Google Chrome di mana pihak Google memperlihatkan kod sumbernya. Chromium dan Google Chrome tidak banyak berbeza dari segi kod dan kemudahan namun terdapat sedikit perbezaan dan kedua-dua pelayar web mempunyai lesen yang berbeza.

Dari segi perlesenan, pelayar web Chromium dikeluarkan di bawah lesen BSD. Chromium 1.0 iaitu versi pertama Chromium dikeluarkan pada Disember 2008. Versi terkini Chromium adalah Chromium 35.0 yang dikeluarkan pada 20 Februari 2014.

Sumber: Wikipedia.org, www.chromium.org



Antara muka pelayar web Chromium

Facebook Beli WhatsApp RM 53 bilion



19 Februari 2014 merupakan tarikh yang bersejarah buat Facebook dan WhatsApp di mana Facebook telah mencapai persetujuan untuk memiliki aplikasi permesejan segera popular dunia iaitu WhatsApp Messenger dengan nilai kira-kira hampir RM53 bilion (USD 16 bilion).

Menerusi perjanjian tersebut, pemilikan WhatsApp Messenger yang bernilai hampir RM53 bilion itu termasuk kira-kira RM13 bilion (USD 4 bilion) tunai dan RM40 bilion (USD 12 bilion) saham Facebook. Perjanjian tersebut juga memperuntukkan tambahan RM10 bilion (USD 3 bilion) unit saham terhad untuk diberikan kepada pengasas dan pekerja WhatsApp.

Menerusi pemilikan aplikasi WhatsApp ini, Facebook memiliki jaringan pengguna sosial yang terbesar di dunia di mana pengguna Facebook telah melebihi angka 1 bilion manakala pengguna WhatsApp pula sebanyak 450 juta pengguna. Kesan daripada pembelian ini telah menjejaskan pengguna WhatsApp yang tidak dapat mengakses perkhidmatan aplikasi setelah 3 hari pengumuman mengenai aplikasi WhatsApp dibeli oleh Facebook. Beberapa pemerhati melihat gangguan ini berpunca daripada peningkatan melampau pendaftaran pengguna sehingga kegagalan server aplikasi WhatsApp.

Sumber: newsroom.fb.com

Keselamatan Pelayar Sesawang

Setiap aplikasi yang dibangunkan sudah tentu menjadi sasaran bagi penggodam. Tidak terkecuali dengan pelayar sesawang di mana ianya juga turut menjadi sasaran utama serangan siber pada masa kini.

Namun, menjadi tanggungjawab pengguna untuk menyedari beberapa langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan kesan daripada aktiviti penggodaman. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan memastikan versi pelayar sesawang adalah versi yang terkini. Selain itu, penggunaan perisian antivirus adalah sangat penting dalam menjamin maklumat penting pengguna tidak dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.



PROGRAM / KURSUS ICT

Bahagian K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN FEBRUARI 2014

Bengkel Google SktechUp	5hb - 7hb Februari 2014	Pusat Latihan Rimbunan Kasih, Jasin
Bengkel Asas Komputer dan Internet: Bakal Pesara	12hb Februari 2014	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Bengkel Microsoft Office 2010 Dengan Kerjasama Pertubuhan Generasi Muda Melaka Maju	16hb Februari 2014	Balairaya Kampung Morten
Bengkel Pembangunan Web: Joomla	18hb - 19hb Februari 2014	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Seminar Pemasaran Produk Secara Online	20hb Februari 2014	Auditorium Seri Negeri
ISO 27001 Implementation	25hb - 27hb Februari 2014	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Bengkel Adobe Photoshop	26hb Februari 2014	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi

* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Bahagian K-Ekonomi adalah PERCUMA

Seminar Pemasaran Produk Secara Online Dapat Perhatian Rakyat Negeri Melaka



Penganjuran Seminar Pemasaran Produk Secara Online anjuran Bahagian K-Ekonomi pada 20 Februari 2014 bertempat di Auditorium Seri Negeri telah menarik perhatian rakyat di negeri ini di mana seramai 330 orang peserta mendaftarkan diri bagi menghadiri seminar berkenaan. Seminar yang memfokuskan kepada pemasaran produk di dalam media sosial seperti Facebook, didapati berjaya menimbulkan minat dan keinginan kepada para peserta untuk berniaga secara atas talian dengan cara yang betul dan tepat. Seminar selama setengah hari ini dirasmikan oleh Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan Suhaibudden, Ketua ICT Negeri Melaka yang berbesar hati melihat penyertaan yang begitu memberangsangkan pada seminar tersebut.



Latihan ICT di Pusat Latihan Rimbunan Kasih, Jasin
5hb - 7hb Februari 2014



Bengkel Asas Komputer dan Internet: Bakal Pesara
12hb Februari 2014



Bengkel Microsoft Office 2010@Kampung Morten
16hb Februari 2014



Bengkel Pemasaran Produk Secara Online
20hb Februari 2014



Kursus ISO 27001 Implementation@UTC Melaka
25hb - 27hb Februari 2014

APLIKASI PELAYAR SESAWANG PILIHAN BAGI PENGGUNA DESKTOP



AVANT BROWSER
www.avantbrowser.com



COMODO DRAGON
www.comodo.com



GOOGLE CHROME
www.google.com/chrome



iCAB
icab.de



INTERNET EXPLORER
windows.microsoft.com



K-MELEON
kmeleon.sourceforge.net



KONQUEROR
www.konqueror.org



MAXTHON CLOUD
www.maxthon.com



MIDORI
www.midori-browser.org



MOZILLA FIREFOX
www.mozilla.org/firefox



NETSURF
www.netsurf-browser.org



OPERA
www.opera.com



QUPZILLA
www.qupzilla.com



SAFARI
www.apple.com/safari



SEAMONKEY
www.seamonkey-project.org